

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (MENJELANG TAHUN 2020)

TARIKH: 28 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 15



## Nilai ambang hartanah untuk pemilikan asing diturunkan

**SHAH ALAM** - Kerajaan akan menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar daripada RM1 juta kepada RM600,000 untuk pemilikan asing bermula tahun 2020.

Langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual dianggarkan berjumlah RM8.3 bilion pada suku kedua tahun 2019.

Kerajaan turut menjelaskan dasar itu hanya terpakai kepada unit sedia ada (siap) yang belum terjual, sebaliknya tidak akan melibatkan projek yang belum dilancarkan.

Rakyat Malaysia juga tidak akan dihalang daripada membeli hartanah yang sama dan oleh itu tidak menjejaskan mereka.